

## **PERTANDINGAN MENULIS KERTAS YIJ 2020** **SIARAN MEDIA**

Pertubuhan Sains, Teknologi dan Inovasi (ASTI) adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berusaha untuk memperkasa generasi muda ke arah sains, teknologi dan inovasi melalui pelbagai projek seperti Science Fair for Young Children (SFYC), Young Inventors Challenge (YIC) dan Creative, Critical Thinking Camp (CCTC) dan ASTI Feynman Challenge (AFC). ASTI juga berusaha untuk memajukan pengetahuan saintifik dan kesedaran teknologi dan inovasi melalui inisiatif berunsurkan pendidikan.

Young Inventors Journal, YIJ adalah jurnal penyelidikan dalam talian secara percuma yang ditujukan untuk generasi muda untuk meningkatkan minat mereka dan turut terlibat dalam pembelajaran sains, teknologi dan inovasi. Oleh yang demikian, jurnal kami berharap dapat mendedahkan generasi muda dalam bidang komunikasi sains.

Di bawah YIJ, kami menganjurkan pertandingan menulis kertas yang kedua dengan tema "Mencipta Semula Masa Depan (Reinventing the Future)". Pertandingan ini bertajuk "Bagaimana Membina Semula Dunia Yang Lebih Baik Pasca Covid-19: Pendidikan (How To Rebuild A Better World Post Covid-19: Education)". Kami percaya bahawa pandemik Covid-19 memberi peluang bagi umat manusia melihat kembali model pembangunan dunia dan mengubal modal baru untuk masa depan yang lebih baik. Oleh yang demikian, YIJ mengajak kaum muda untuk menulis kertas secara mendalam setelah membuat penyelidikan. YIJ juga akan berfungsi sebagai platform untuk orang ramai membaca jurnal yang diterbitkan.

Pertandingan menulis kertas ini memberi tumpuan kepada pendidikan. Peserta diminta untuk melihat masalah-masalah tertentu yang berkaitan dengan pendidikan yang mereka fikir perlu ditangani, dan mencadangkan apa yang mereka fikir akan menjadi penyelesaian yang tepat untuk menyelesaikan masalah tersebut untuk masa depan yang lebih cerah. Ia adalah pertandingan menulis secara berpasukan atau individu. Maka ia boleh ditulis oleh pasukan yang tidak melebihi 5 orang, atau oleh seorang individu. Pertandingan ini dibuka kepada peserta yang berumur 18 - 40 tahun. Semua kertas yang memenuhi standard yang ditetapkan oleh "Young Inventors Journal (YIJ)", akan menerima sijil penyertaan dalam talian yang akan dihantar melalui e-mel kepada pengarang. Kertas pemenang juga akan diterbitkan dalam jurnal dalam talian kami yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Peserta yang berminat boleh mendaftar sebelum 2 Februari 2021 dengan Kertas Cadangan (Proposal Paper) dan muat turun terma dan syarat, bahan dan garis panduan di laman web ini:

[http://asti.org.my/postcovid\\_education](http://asti.org.my/postcovid_education)

Peserta berpeluang memenangi hadiah seperti di bawah:

- 1 Pemenang Platinum: RM2,000.00
- 2 Pemenang Emas : RM1,500.00 untuk setiap Kumpulan / Individu
- 3 Pemenang Perak : RM1,000.00 untuk setiap Kumpulan / Individu
- 4 Pemenang Gangsa : RM500.00 untuk setiap Kumpulan / Individu

Kami berharap agar anak-anak muda akan mengambil kesempatan ini untuk memberi pendapat mereka untuk membina semula dunia pasca Covid-19 yang lebih baik di sektor pendidikan.

**Association of Science, Technology and Innovation (ASTI)**  
**No.16A, Jalan 21/12, Sea Park,**  
**46300 Petaling Jaya,**  
**Selangor D.E, Malaysia.**  
**Tel:03-78778571/03-78655557**  
**Email: [asti2510@gmail.com](mailto:asti2510@gmail.com)**